

03/09/1999

Alex belum mahu mengalah

Zairee Zahir

LIGAMEN lutut kirinya disahkan terkoyak tetapi semangat dan kecekalan Alexander Yoong - yang terselamat dalam kemalangan ketika berlumba di Belgium minggu lalu - kekal utuh.

Malah, pelumba harapan Malaysia itu sudah berkira-kira untuk kembali berlumba dalam Formula F3000 Antarabangsa FIA di Litar Nurburgring, Jerman, 25 September ini.

Bapa pelumba itu, Hanifah Yoong, ketika dihubungi di London, berkata anaknya sudah pulih daripada kemalangan ketika perlumbaan sokongan F1 di Litar Spa-Francorchamps itu tetapi terpaksa bertongkat untuk bergerak.

Ujian x-ray dan MRI scan juga sudah dilakukan terhadap pelumba berusia 23 tahun itu yang pengsan ketika kemalangan tetapi mendapati tiada kecederaan atau gegaran pada kepala dan otaknya.

Menurut Hanifah, dua ligamen pada lutut kiri Alex koyak dan doktor di Hospital Pakar Harley Street sudah merawatnya dengan pembedahan memberikan tisu otot baru.

Buat masa ini, Alex masih berada di hospital untuk menjalani latihan fisioterapi. Dia dijadualkan menjalani pembedahan untuk membina semula ligamennya yang rosak itu selepas tamat musim perlumbaan penghujung tahun ini.

"Syukur Alex terselamat daripada kecederaan lebih serius kerana jika dilihat keadaan keretanya, memang sukar hendak percaya dia hanya mengalami kecederaan teruk di lutut.

"Alex tetap kuat semangat dan menyatakan kesediaannya untuk berlumba di Litar Nurburgring pada 25 September biarpun doktor menasihatkannya berehat enam minggu.

"Kami ada terbaca mengenai ulasan dan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta perhatian berat wakil Duta Malaysia di Belgium yang datang melawat.

"Sokongan itu nampaknya memberikan kekuatan baru dan mempercepatkan proses penyembuhan Alex. Dia benar-benar terharu dan berterima kasih," katanya.

Ketika perlumbaan Formula 3000 di Litar Spa-Francorchamps minggu lalu, kereta Lola Zytek pasukan Monaco Motorsport yang dipandu Alex dilanggar pemandu Britain, Justin Wilson, di jalan lurus Eau Rouge, kawasan paling laju di litar itu.

Kereta Alex terbabas dan terlanggar tembok pada kelajuan 260km/j menyebabkan dia tidak sedarkan diri dan terpaksa dirawat oleh doktor bertugas ketika perlumbaan Formula 1 Belgium sebelum dihantar ke Hospital Leige berhampiran litar itu.

Bagaimanapun, Hanifah mengakui Alex berada pada tahap mental dan psikologi yang agak lemah buat masa ini dan dia cepat terasa penat dalam pergerakannya ketika rawatan fisioterapi.

Sehubungan itu, Alex perlu bekerja keras untuk mengembalikan kekuatan fizikal dan ketahanan mentalnya sekiranya mahu mengembalikan sentuhannya untuk menuju semula ke landasan Formula 1 yang diimpikannya.

"Selain rawatan di hospital pakar ini untuk bahagian kaki dan mentalnya, Alex juga bercadang mengadakan latihan sendiri untuk menguatkan bahagian tubuh atasnya."

Tiga tahun lalu, Alex pernah terbabit dalam kemalangan ketika perlumbaan Formula Renault di Litar Oulton Park tetapi dia hanya mengalami lebam-lebam dan sedikit kecederaan di pinggang.

( END )